



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 8 MAC 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	TUJUH BADAN BERKANUN KPKM DIBERI PAJAKAN TANAH USAHA KAWASAN PERTANIAN, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE SETUJU TERUSKAN SUBSIDY TELUR AYAM, NEWS, SELANGOR KINI -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	PENYAKIT LEMBU GILA: JPV PANTAU KEMASUKAN DAGING DARI BRAZIL, MY METRO -ONLINE VET DEPT MONITORS IMPORTS OF BEEF, NATION, CHINA PRESS -A4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	PEMILIK BOT NELAYAN TIADA LESEN GAJI PATI DITAHAN, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7.	NELAYAN GESA 'HALALKAN' AKTIVITI TANGKAPAN SIPUT RETAK SERIBU, DALAM NEGERI, UM -29 'SAMPAI BILA BIARKAN NELAYAN CARI REZEKI DALAM KETAKUTAN', DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

## Tujuh badan berkanun KPKM diberi pajakan tanah usaha kawasan pertanian



Tujuh badan berkanun di bawah seliaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini diberikan hak eksklusif untuk membangunkan 137 lot tanah Persekutuan berkeluasan 2,305.28 hektar sebagai kawasan pertanian bagi memperkukuh sekuriti makanan negara.

Pemberian hak eksklusif itu dicapai menerusi pemeteraian perjanjian pajakan antara Pesuruhjaya

Tanah Persekutuan (PTP) Muhammad Azmi Mohd Zain bersama tujuh badan berkanun berkenaan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Kuala Lumpur, hari ini.

Tujuh badan berkanun itu ialah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Pemeteraian itu disempurnakan oleh Muhammad Azmi bersama Ketua Pengarah LPP Azulita Salim, Ketua Pengarah FAMA Zainal Abidin Yang Razalli, Pengurus Besar MADA Kamarudin Dahuli, Ketua Pengarah LKIM Yusoff Othman, Ketua Pengarah LPNM Mohd Khairuzamri M. Salleh, Pengurus Besar KADA Mohd Faizul Mustafa dan Timbalan Ketua Pengarah MARDI Dr Asfaliza Ramli.

Ia disaksikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu dan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Nik Nazmi Nik Ahmad.

Mohamad ketika berucap pada majlis tersebut berkata menerusi pajakan bernilai RM281,121.37 setahun itu, kerajaan dapat memastikan tahap keterjaminan makanan negara kekal terjamin selain membolehkan badan berkanun berkenaan menjana pendapatan sendiri.

“Dalam daya upaya kita memastikan tahap keterjaminan makanan negara kekal terjamin, usaha sama yang utuh amat diperlukan daripada pelbagai pihak dan rakyat melalui pendekatan whole of government dan whole of society,” katanya.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata perjanjian pajakan dilaksanakan selaras dengan Seksyen 221 Kanun Tanah Negara 1965 [AKTA 828] (KTN 1965) dengan PTP selaku pemilik tanah yang berdaftar boleh memajakkan tanah PTP bagi tempoh maksimum 99 tahun, jika ia berkaitan dengan seluruh tanahnya dan 30 tahun jika ia berkaitan dengan sebahagian tanahnya.


Bagi tanah rizab Persekutuan pula, mengikut Perkara 85(4) Perlembagaan Persekutuan, beliau berkata kerajaan Persekutuan boleh memberi apa-apa hak menduduki, mengawal atau menguruskan atau suatu penyewaan atau pajakan, keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu kepada mana-mana orang dan untuk apa-apa tempoh.

“Perjanjian pajakan ini membolehkan badan berkanun di bawah seliaan KPKM mendapat kepentingan eksklusif sebagai badan korporat untuk mengawal selia, membangunkan dan mengurus semua perkara yang berkaitan dengan tanah atau fasiliti yang didirikan di atasnya dengan lebih teratur, cekap dan menepati kehendak undang-undang.

“Mekanisme perjanjian pajakan ini juga dilihat dapat membuka peluang baharu kepada badan berkanun yang terlibat dalam merencana serta mengorak langkah proaktif, agar terimaan hasil dapat diperkembangkan, seterusnya mengurangkan kebergantungan peruntukan kewangan daripada kerajaan Persekutuan,” katanya.

– *Bernama*

Headline	Setuju teruskan subsidi telur ayam		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	08 Mar 2023	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	8	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	70 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 687
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,061



## Setuju teruskan subsidi telur ayam

**SHAH ALAM** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan meneruskan subsidi bagi telur ayam sehingga Jun ini melibatkan kos sebanyak RM1.28 bilion.

KPKM memaklumkan kerajaan melalui mesyuarat Jemaah Menteri sepakat meneruskan penyediaan subsidi berkenaan pada 17 Februari lepas, lapor Bernama.

"Langkah ini diambil demi memastikan bekalan telur ayam dalam negara kekal stabil, sementara kajian mengenai mekanisme dan dasar penyaluran subsidi secara bersasar dapat dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat," menurut kenyataan itu pada 27 Februari.

Menurut KPKM, keperluan untuk membawa masuk telur ayam dari luar negara juga akan dikaji semula setelah bekalan telur ayam kembali stabil.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2023	MY METRO	ONLINE	

## Penyakit lembu gila: JPV pantau kemasukan daging dari Brazil



MOHAMAD Sabu. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan terus memantau kemasukan bekalan daging lembu import dari Brazil ke negara ini susulan laporan kes penyakit lembu gila di kesan di negara berkenaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata, kes tersebut adalah 'atipikal' atau lain daripada kebiasaan dan bukan semua tempat mengalami wabak tersebut.

"Bagaimanapun, Jabatan Veterinar akan sentiasa memantau proses kemasukannya ke negara ini," katanya kepada pemberita sebagai mengulas mengenai laporan media baru-baru ini yang memetik Kementerian Pertanian Brazil melaporkan satu kes penyakit lembu gila di kesan di negara itu, bulan lalu.

Susulan itu, media antarabangsa pada Sabtu lepas melaporkan Thailand, Iran dan Jordan menggantung sementara import daging lembu dari Brazil.

Terdahulu, Mohamad menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pajak di antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama tujuh badan berkanun di bawah kementeriannya di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), di sini, hari ini.

Headline	Vet Dept monitors imports of beef		
MediaTitle	China Press		
Date	08 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	151 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,979
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,937



## 巴西爆瘋牛症 獸醫局監督進口肉



■莫哈末沙布（右）指兽医局监督从巴西进口的牛肉，左为聂纳兹米。

（吉隆坡7日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，随著报导指巴西出现疯牛症病例后，兽医局继续监督从巴西进口的牛肉。他说，并非所有地方都爆发疯牛症。然而，兽医局监督从该国输入我国市场

的牛肉。国际媒体上周六报导称，泰国、伊朗和约旦已暂停从巴西进口牛肉。莫哈末沙布今日见证农民组织局与该部旗下7个法定机构签署租赁协议后，受询时这麼指出。在场者包括天然资源、环境及气候变化部长聂纳兹米。

## Pemilik bot nelayan tiada lesen gaji PATI ditahan

**GEORGE TOWN** – Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan dua bot nelayan tempatan kerana disyaki tidak mempunyai lesen yang sah termasuk melanggar syarat mengajikan pendatang asing tanpa izin (PATI) kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, penahanan itu dilakukan semasa rondaan rutin Op Pertiwi dan Op Tanjung di sekitar perairan Pulau Kendi di sini kira-kira pukul 10.41 pagi dan pukul 10.20 malam.

Menurutnya, tangkapan pertama dijalankan selepas pemeriksaan ke atas bot nelayan tempatan kelas C di kedudukan 30 kilometer barat daya Pulau Kendi.

"Bot yang berpangkalan di Bagan Hutan Melintang, Perak telah dikendalikan seorang tekong dan dua kru warga Thailand serta seorang kru warga Myanmar berumur antara 23 hingga 63 tahun.

"Dua kru bot ini gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah, manakala pemiliknya didapati menggaji-

kan kru warga asing," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau memberitahu, mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu pemilik bot menggunakan warga asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia.

Dalam pada itu, katanya, bot nelayan kedua yang berpangkalan di Jeti Teluk Kumbar ditahan pada kedudukan 1.12 kilometer tenggara Gertak Sanggul.

"Bot ini dikendalikan empat kru warga tempatan berumur antara 18 hingga 51 tahun. Mereka gagal mempamerkan lesen dan bot tidak diusahakan sendiri pemiliknya," ujarnya kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985.

Tambahnya, kedua-dua bot beserta kru ditahan bersama 550 kilogram hasil laut dan kemudiannya dibawa ke Jeti Limbungan Batu Maung serta jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Batu Uban untuk tindakan lanjut.



**BOT** beserta kru warga asing ditahan di perairan Pulau Kendi, Pulau Pinang semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Nilai hasil tangkapan siput cecah RM27 juta setahun

## Nelayan gesa 'halalkan' aktiviti tangkapan siput retak seribu

### EKSKLUSIF

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Hasil daripada kegiatan menangguk siput retak seribu oleh nelayan negeri ini di perairan Kuala Perlis di sini mampu mencecah sehingga 40 sehingga 50 tan metrik dengan nilai mencecah RM75,000 sehari atau RM2.25 juta dalam tempoh sebulan.

Jika setahun, nilai hasil tangkapan dikatakan boleh mencecah sehingga RM27 juta di sebalik aktiviti penangkapan siput tersebut diharamkan oleh Jabatan Perikanan.

Justeru, kira-kira 200 nelayan di negeri ini menggesa agar Jabatan Perikanan 'menghalalkan' aktiviti tersebut atau sekurang-kurangnya mengeluarkan permit kepada mereka bagi melakukan kegiatan berkenaan di sebalik hasil laut seperti ikan, udang, ketam dan sebagainya yang semakin merosot.

Dalam masa sama, mereka juga meminta kerajaan negeri campur tangan dan menjadi pengantara dengan Jabatan Perikanan agar ak-



**NELAYAN** mengasingkan hasil tangkapan siput retak seribu yang mampu menjana pendapatan di sebalik hasil laut seperti ikan yang semakin berkurangan di Kuala Perlis semalam. —UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

tiviti tersebut dibenarkan sekali gus membantu nelayan menjana pendapatan tanpa perlu berasa takut dikenakan tindakan atau hasil berkenaan dirampas oleh pihak berkuasa.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan, Mohd.

Azhad Mohd. Asyraf, 51, berkata, sehari, dalam tempoh dua atau tiga jam, dia mampu memperoleh hasil tangkapan sehingga 700 kilogram siput retak seribu.

Katanya yang sudah lebih 30 tahun sebagai nelayan di sini, harga siput berkenaan dijual sekitar

RM1.50 sekilogram dengan pendapatan pula lebih RM700 sehari.

Selain itu, katanya, penduduk setempat juga boleh menjana pendapatan dengan mengambil upah untuk kerja-kerja mengasingkan siput ini.

"Pihak Jabatan Perikanan per-

lu melihat aktiviti tersebut dalam aspek positif dengan tidak lagi mengharamkan tangkapan tersebut. Jika tidak mengeluarkan lesen sekali pun, mereka boleh mengeluarkan permit kepada nelayan-nelayan ini menangkap siput tersebut atau mengenakan syarat-syarat tertentu.

"Selain itu, mereka (pihak jabatan) juga boleh melaksanakan prosedur-prosedur tertentu untuk aktiviti penangkapan siput ini seperti penjadualan tangkapan, kawasan atau zon tertentu dan sebagainya.

"Jika melaksanakan tindakan penguatkuasaan sekali pun, para nelayan tetap juga menangkap siput ini kerana ia mampu membantu menjana pendapatan kami ketika hasil laut seperti ikan sudah semakin berkurangan sejak kebelakangan ini," katanya.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Ropi Ali, 48, berkata, kebanyakan nelayan ketika ini sudah beralih kepada aktiviti tangkapan siput memandangkan hasil laut seperti ikan, ketam, udang dan sotong sudah berkurangan.

Katanya, Jabatan Perikanan perlu mengkaji semula pengharaman tangkapan siput retak seribu itu memandangkan dalam tempoh tertentu siput berkenaan juga akan mati.

## 'Sampai bila biar nelayan cari rezeki dalam ketakutan'

**KANGAR:** Kerajaan negeri diminta campur tangan dan berbincang dengan Jabatan Perikanan bagi mencari jalan membenarkan nelayan negeri ini mencari rezeki menangguk siput retak seribu di perairan Kuala Perlis di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Perlis, Abu Bakar Hamzah berkata, sampai bila mahu dibiarkan nelayan sentiasa berada dalam ketakutan setiap kali melakukan aktiviti tersebut bagi menjana pendapatan harian.

Katanya, beliau juga akan memajukan isu berkenaan kepada kerajaan negeri agar satu kaedah terbaik dicapai dalam membantu nelayan-nelayan di Kuala Perlis ini.

"Kita cadangkan agar pihak berkaitan kaji balik sama ada memberikan permit kepada nelayan-nelayan melakukan aktiviti menangguk siput atau melaksanakan tangkapan berjadual.

"Jika tidak benarkan nelayan ini tangkap (siput) sekali pun, orang luar (nelayan luar) tetap datang menceroob menangkap siput ini. Sebaik-baiknya benarkan nelayan negeri ini menangkap siput di perairan Kuala Perlis ini.

"Sampai bila nak biar nelayan berada dalam ketakutan setiap kali keluar menangguk siput ini sedangkan mereka mencari rezeki," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas mengadakan pertemuan bersama nelayan di

Kampung Tanah Baru, Kuala Perlis di sini, semalam.

Dalam pertemuan bersama kira-kira 100 nelayan itu, mereka juga mengesakan agar Jabatan Perikanan membenarkan aktiviti menangguk siput retak seribu di perairan Kuala Perlis ini.

Tambah Abu Bakar, beliau akan terus membawa isu berkaitan nasib nelayan Kuala Perlis ini dalam sesi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pertengahan Mac depan bagi mendapat perhatian daripada kerajaan negeri.

Katanya, isu berkenaan bukan perkara baharu sebaliknya sudah lama berlarutan yang sepatutnya diberikan perhatian dalam membela nasib nelayan di Kuala Perlis.



**ABU Bakar Hamzah** (kanan, berdiri) mengadakan pertemuan bersama para nelayan yang menggesa aktiviti menangkap siput dibenarkan di Kampung Tanah Baru, Kuala Perlis, Kangar, semalam.